

15 MAY 2001

DR MAHATHIR TIBA DI IPOH UNTUK RASMI HARI BELIA NEGARA

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini hari ini untuk merasmikan Hari Belia Negara 2001 di Stadium Perak malam ini.

Ketibaan beliau pada pukul 6.17 petang disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, anggota Exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Beliau kemudiannya bertolak ke Hotel Casuarina Park Royal sebelum bertolak ke Stadium Perak pada pukul 8 malam, diiringi oleh perarakan kereta antik dan motosikal.

Kira-kira 30,000 belia dari seluruh negara dijangka hadir untuk mendengar amanat Perdana Menteri di stadium itu malam ini.

Pelbagai acara telah diatur termasuk pertunjukan bunga api, penyampaian Anugerah Tokoh Belia, persembahan kebudayaan dan persembahan artis terkenal tanahair seperti kumpulan nasyid Raihan dan penyanyi Siti Nurhaliza.

-- BERNAMA

KAY NMO